

01 JUN 2003

Abdullah-MCA

ABDULLAH: MCA PERLU KEMBALIKAN PERMUAFAKATAN

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Pucuk pimpinan baru MCA perlu mencari jalan mengembalikan semula permuafakatan di dalam parti itu serta menangani segala bentuk perselisihan yang wujud sebelum ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau juga berharap kepimpinan baru MCA dapat membuktikan kebolehan dan kewibawaan mereka untuk menerajui parti kedua terbesar di dalam komponen Barisan Nasional (BN) itu.

"Mereka (pemimpin baru) mestilah mewujudkan muafakat, itu yang penting. Apa-apa perselisihan dan perbalahan (dalam parti) mesti diatasi dengan segera," katanya kepada pemberita selepas melepaskan peserta program berbasikal "Riding For Life" 2003 di Taman Tasik Titiwangsa di sini, hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perubahan pucuk pimpinan MCA baru-baru ini yang menyaksikan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting dilantik menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang meletak jawatan sebagai presiden.

Turut meletak jawatan ialah Datuk Lim Ah Lek dan tempatnya sebagai timbalan presiden MCA diambilalih Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy.

Ong dan Chan dilantik sebagai presiden dan timbalan presiden oleh Jawatankuasa Pusat (CC) MCA.

Menurut Abdullah, perkara pokok yang perlu difokuskan kini oleh pucuk pimpinan baru parti itu ialah mengutamakan usaha untuk menyatukan semula anggota MCA daripada kumpulan A dan B.

Kumpulan A adalah puak yang menyokong Dr Ling manakala kumpulan B pula dianggotai mereka yang menyokong Lim.

"Yang pentingnya, mesti mengutamakan ahli-ahli parti bukan kumpulan-kumpulan tertentu sahaja," katanya.

Sementara itu, ketika diminta mengulas mengenai kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 di Evian, Perancis, Abdullah berkata: "Saya berpendapat ini adalah peluang yang terbaik yang pernah diberikan kepada Perdana Menteri kita."

Katanya, isu-isu yang akan diketengahkan oleh Perdana Menteri diharapkan akan mendapat perhatian negara-negara G8 memandangkan ia juga melibatkan pandangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), selari dengan peranan Malaysia sebagai negara Pengerusi NAM.

Antara isu yang dijangkakan dibangkitkan Perdana Menteri dalam dialog itu termasuk soal berhubung dominasi Barat dalam percaturan politik, perdagangan dan kewangan global.

Sidang kemuncak selama dua hari itu bermula hari ini.

-- BERNAMA
RAM KHY MOZ